

Ref: K.P. 8164/(2)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

2hb. Januari, 1971

Ketua Pegawai Pelajaran,
Semua Negeri,
Malaysia Barat.

Pengarah Pelajaran,
Sarawak/Sabah.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1971

Perkhidmatan Masyarakat dan Muhibah
di Sekolah-sekolah

Untuk menanamkan semangat dalam sanubari semua murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah di antara mereka terhadap:-

- (a) Muhibah
- (b) Perpaduan Kebangsaan
- (c) Rukunegara
- (d) Perkhidmatan Masyarakat (Community Service)

maka adalah perlu bagi guru-guru besar/pengetua-pengetua mengambil langkah-langkah positif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di seluruh sekolah-sekolah. Aktiviti-aktiviti yang tersebut adalah dicadangkan seperti berikut:-

(i) Sekolah-sekolah Menengah

- (i) Semua persatuan-persatuan/kelab-kelab sekolah hendaklah memasukkan dalam aktiviti-aktiviti mereka, sebilangan projek-projek perkhidmatan masyarakat dan muhibah yang tertentu dalam rancangan-rancangan tahunan mereka.
- (ii) Pertubuhan-pertubuhan pengakap, pandu puteri, pasukan kedet polis dan pertubuhan-pertubuhan berpakaian seragam sekolah yang lain hendaklah juga memasukkan aktiviti-aktiviti seumpama itu dalam rancangan tahunan mereka.
- (iii) Sebagai tambahan kepada di atas, guru-guru besar/pengetua-pengetua bolehlah menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menubuhkan Persatuan-persatuan/Kelab-kelab Perkhidmatan Masyarakat di sekolah-sekolah mereka. Ini adalah penting terutama sekali bagi sekolah di kawasan-kawasan luar bandar yang biasanya belum ada kelab-kelab seperti itu dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan perkhidmatan masyarakat awam atau kementerian-kementerian yang lain.

Persatuan-persatuan Perkhidmatan Masyarakat Sekolah-sekolah ini akan menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka dengan pertubuhan-pertubuhan perkhidmatan masyarakat yang lain dan juga dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibah di peringkat-peringkat daerah dan negeri. Harap diambil perhatian semua Persatuan-persatuan Perkhidmatan Masyarakat akan menyalurkan perhubungan mereka melalui Guru-guru Besar/Pengetua-pengetua apabila mereka itu membuat perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan yang ada di bawah anjuran Kementerian Kebajikan Am, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan.


(b) Sekolah-sekolah Rendah

Satu rancangan tahunan aktiviti-aktiviti perkhidmatan masyarakat dan muhibah hendaklah disusun oleh tiap-tiap sekolah. Semua aktiviti seumpama itu hendaklah diletakkan di bawah pengawasan seorang guru.

(c) Guru-guru

Semua guru di sekolah-sekolah rendah dan di sekolah-sekolah menengah hendaklah digalakkan mengelolakan aktiviti-aktiviti perkhidmatan masyarakat dan muhibah di kalangan mereka sendiri.

Saya yang menurut perintah,



(Kum Boo)

Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri.

Setiausaha Kerja,
Majlis Muhibah Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.

Setiausaha Kerja,
Jabatan Perpaduan Negara,
d/a Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.

Ketua Setiausaha.
Ketua Pengarah Pelajaran.
Timbalan Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran.
Pengarah Latihan Guru – 15 salinan.
Ketua Nazir Bebas – 15 salinan.
Semua Ketua-ketua Bahagian.

KB/rt.